MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
مجليس بنداراي ڤتالينج جايا
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544
Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020
E-mel : aduan@mbpj.gov.my
Laman web : www.mbpj.gov.my

KITASELANGOR

Rujukan : MBPJ/040100/T/P23/1/KM/
KIK/0669/2024

Tarikh : 02 NOV 2026

Senarai Jemputan seperti di lampiran.

Tuan / Puan,

PENGANJURAN KURSUS KOMPETENSI DAN PENDAFTARAN PERUNDING BAGI PELAKSANAAN INISIATIF PA24 PLUS: KELULUSAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN BERSKALA KECIL SECARA SERENTAK.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada November 2025 telah melaksanakan **Inisiatif PA 24 iaitu mempercepatkan kelulusan Kebenaran Merancang bagi projek pembangunan berskala kecil dari 98 hari kepada 24 jam**. Sehingga Oktober 2026, sebanyak 47 permohonan Kebenaran Merancang telah berjaya diluluskan di bawah inisiatif ini

3. Kejayaan ini telah mendorong Majlis memperluaskan Inisiatif PA 24 kepada **PA 24 Plus iaitu mempercepatkan kelulusan pelan-pelan pembangunan berskala kecil secara serentak dalam tempoh 24 jam** melibatkan kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan dan Pelan Bangunan. Ini kerana kerja-kerja pembinaan di tapak masih tidak boleh dimulakan melainkan kelulusan pelan-pelan tersebut telah diperolehi.

4. Bagi tujuan pelaksanaan Inisiatif PA 24 Plus ini, Majlis akan menganjurkan kursus kompetensi dan pendaftaran perunding kepada perunding Perancang Bandar, Arkitek dan Jurutera. Sila ambil maklum bahawa kursus dan pendaftaran ini adalah **pra-syarat** yang ditetapkan oleh pihak Majlis bagi melayakkan perunding mengemukakan permohonan pelan-pelan pembangunan di bawah Inisiatif PA 24 Plus.

5. Untuk permulaan, kursus ini hanya terhad kepada 200 peserta terawal sahaja. Butiran kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	**:**	**18 November 2026**
Tempat	**:**	**Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya**
Masa	**:**	**9.00 pagi – 5.00 Petang**

6. Sehubungan dengan itu, Majlis amat berbesar hati menjemput pihak Tuan / Puan untuk menyertai kursus ini dengan melengkapkan borang penyertaan melalui QR kod yang disediakan dan membuat bayaran penyertaan kursus sebanyak RM250.00 bagi setiap peserta dan RM500.00 bagi pendaftaran syarikat perunding.

7. Pengesahan penyertaan dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya sebelum atau pada 16 November 2026. Bil Bayaran akan dikeluarkan mengikut borang penyertaan yang telah diisi oleh pihak Tuan / Puan. Sila ambil maklum, bayaran pendaftaran perunding adalah **dikecualikan** kepada syarikat perunding yang telah berdaftar di bawah Inisiatif PA 24 sebelum ini dan digantikan dengan sijil pendaftaran baru secara percuma.

8. Bersama-sama ini dilampirkan atur cara program untuk makluman dan perhatian pihak Tuan/Puan. Kerjasama dan penglibatan daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dan sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Puan Zaharah Binti Ishak ditalian 011-14341871.

Sekian, terima kasih.

"#KITA SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(TPr. MOHD BAKRI BIN SALLEH)
Timbalan Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
b.p. Datuk Bandar Petaling Jaya
(mohdbakri@mbpj.gov.my)

ATUR CARA KURSUS KOMPETENSI DAN PENDAFTARAN PERUNDING BAGI PELAKSANAAN INISIATIF PA24 PLUS: KELULUSAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN BERSKALA KECIL SECARA SERENTAK

Masa	Atur Cara
9.00 pagi	Ketibaan dan Pendaftaran Peserta *(sarapan pagi disediakan)*
9.30 pagi	Taklimat Pelaksanaan Inisiatif PA 24 Plus oleh TPr Mohd Bakri Bin Salleh, Timbalan Pengarah Perancang Bandar
9.50 pagi	Taklimat Prosidur Dan Proses Kerja Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Inisiatif PA 24 Plus oleh Encik Norhisyam bin Haji Mat, Penolong Pegawai Perancang Bandar (Kanan)
10. 20 pagi	Taklimat Prosidur Dan Proses Kerja Pelan Permohonan Kerja Tanah dan Permohonan Pelan Jalan Dan Perparitan Di Bawah Inisiatif PA 24 Plus oleh Ir. Ali Amsyar bin Ali Yusof, Penolong Pengarah (Infrastruktur)
11.50 pagi	Taklimat Prosidur Dan Proses Kerja Pelan Permohonan Pelan Bangunan Di Bawah Inisiatif PA 24 Plus oleh Encik Syed Muhammad Qayyum Al-Hasyimi bin Syed Yusoff, Penolong Pengarah 2 (Arkitek)
12.20 tengahari	Sesi Soal Jawab
12.40 tengahari	Penilaian Kursus
1.00 petang	Makan Tengahari
2.30 petang	Ketibaan Ketua Jabatan, Ahli Majlis dan Jemputan
2.35 petang	Ketibaan YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, D.S.I.S Datuk Bandar Petaling Jaya
2.40 petang	Ketibaan YBhg Dr. Mohamad Norjayadi Taman, Ketua Pengarah Malaysia Productivity Corporation (MPC)
	• Nyanyian lagu Negaraku dan Negeri Selangor • Bacaan Doa • Tayangan Video • Ucapan Aluan oleh YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, D.S.I.S Datuk Bandar Petaling Jaya • Ucapan Perasmian oleh Dr. Mohamad Norjayadi Taman, Ketua Pengarah Malaysia Productivity Corporation (MPC) • Pelancaran PA 24 Plus • Penyampaian Sijil Pendaftaran Syarikat Perunding
4.00 petang	Sidang Media & Jamuan Petang